

Ucapan Tahun Baharu 2019 Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir



24 Januari 2019, warga UiTM telah berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) UiTM Shah Alam untuk mendengar Ucapan Tahun Baharu 2019 oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. YBhg. Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin telah menyampaikan ucapan kepada seluruh warga yang juga turut disiarkan secara langsung menerusi live streaming ke seluruh UiTM kampus cawangan.

Inti pati ucapan beliau berkisar kepada kejayaan-kejayaan dan pencapaian UiTM sepanjang 2018 serta pandangan dan hasrat beliau untuk UiTM bagi tahun 2019. Lapan (8) fokus utama yang UiTM perlu utamakan bagi 2019. (rujuk gambar rajah)

Majlis turut diserikan dengan pelancaran buku The Forerunners Breakthrough Moments And Personalities. Buku ini merupakan sebuah buku mewah yang mengetengahkan kejayaan dan pencapaian warga yang berimpak tinggi kepada komuniti dan masyarakat. Projek khas ini merupakan hasil garapan Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat.

FOCUS FOR 2019



- | | |
|---|---|
| 1 | Financial Improvement |
| 2 | Organization Efficiency |
| 3 | Strengthen Collaboration With Ind. & Alumni |
| 4 | Invest In Competency |
| 5 | Digital |
| 6 | Internationalization |
| 7 | Branding & Marketing |
| 8 | Change Work Culture |



Majlis Sanjungan Budi

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr.


Hassan Said

31 Januari 2019 bertempat di Dewan Sri Bestari Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam telah berlangsungnya Majlis Sanjungan Budi YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM. Beliau telah dilantik sebagai Naib Canselor UiTM dari Februari 2016 sehingga 31 Januari 2019.

Banyak pencapaian yang membanggakan telah dicapai sepanjang beliau berada di UiTM dan beliau adalah pemacu ketampakan global UiTM. Kejayaan seperti pelancaran satelit pertama milik universiti yang dikenali sebagai UiTM-SAT1, mencetus idea untuk menjadi satu-satunya universiti yang memiliki solar farm, mengabungkan kepakaran daripada 4 fakulti untuk

projek UiTM Autonomous Vehicle, memperkenalkan laluan khas untuk pelajar lepasan tafhib bagi mengikuti pengajian di UiTM dan banyak lagi sumbangan besar beliau yang lain.

Majlis ini dilangsungkan bagi menghargai jasa beliau selama 3 tahun di UiTM. Video montaj dan pameran khas untuk beliau juga telah dibuat oleh Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat (BCKK) bagi mengenang kembali aktiviti-aktiviti dan kejayaan beliau di UiTM.





"The unwillingness to **take risks** will make us redundant."



"**Maximising potential** requires **effective cooperation.**"




" kita tidak boleh alpa dan **jangan hanya beretorik** sekiranya kita mahukan **kejayaan.**"



"**Inovasi** adalah 'game changer' untuk kita terus **kekal cemerlang dan terkehadapan.**"



"**Perseverance, hardwork, vision, faith and core values** will determine your success in the long-run..."



"**Integriti** akan menjadi **DNA warga UiTM.**"

Terima Kasih
**PROF EMERITUS DATO' DR
HASAN SAID**

LUNCHEON TALK

bersama

YABHG. TUN DAIM ZAINUDDIN



30 Januari 2019 bertempat di Dewan Seri Budiman UiTM Shah Alam telah berlangsungnya Luncheon Talk bersama YABhg. Tun Daim Zainuddin, Mantan Pengerusi Majlis Penasihat kerajaan yang bertemakan Atmosfera Ekonomi Bumiputera Masa Hadapan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman dan pandangan berhubung survival ekonomi bumiputera masa kini. YABhg. Tun Daim telah berkongsi pandangan dan idea baru secara konstruktif di samping mengenal pasti fokus bidang pertumbuhan baru untuk diceburi oleh bumiputera.

Majlis ini telah dianjurkan oleh Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media dan Yayasan Budiman. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Prof. Emeritus Dr. Hassan Said, Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi UiTM dan juga tetamu kehormat yang lain.



UiTM Lancar Bas Penyelamat Kecemasan Pertama Milik Universiti Awam

Shah Alam, 9 Januari 2019 – Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM) hari ini telah merasmikan Kenderaan Tujuan Khas: Penyelamat Kecemasan Bergerak UiTM (Special Purpose Vehicle: UiTM Emergency Mobile Rescue (UEMR)), yang merupakan bas pertama di Universiti Awam menggunakan sepenuhnya konsep dan kelengkapan seperti bilik kecemasan berdasarkan Garis Panduan Perkhidmatan Kecemasan dan Ambulans oleh Fasiliti Kesihatan Primer.

Reka bentuk kenderaan ini adalah sama seperti bas penumpang yang lain namun perbezaannya adalah inovasi dari segi modifikasi lantai yang direndahkan bagi memudahkan pesakit dari kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan penggunaan stretcher semasa memindahkan pesakit. Kelebihan utama UEMR adalah kepada ruang kerja yang luas dan kondusif serta mempunyai bilik yang berasingan dengan penumpang bagi memastikan pematuhan kawalan jangkitan silang terutama yang dibawa oleh udara dan cecair badan.

Antara fungsi-fungsi utama UEMR adalah:

- Untuk digunakan sebagai Klinik Medan semasa penganjuran program sukan atau semasa dalam situasi bencana. Ini akan dapat memberikan pilihan selain mendirikan bilik/

khemah khas sebagai tempat merawat dan menstabilkan kes-kes kecemasan sebelum dirujuk ke hospital.

- Berfungsi sebagai *command centre* untuk semua ambulans dan paramedik yang bertugas
- Untuk digunakan dalam perkhidmatan pendidikan kesihatan, saringan dan khidmat nasihat serta pemberian ubat semasa kempen kesihatan.
- Dapat memberikan perkhidmatan rawatan pesakit luar, pembedahan kecil dan berkhatan ke lokasi-lokasi yang diperlukan secara berkala sama ada di dalam atau di luar UiTM.

Dato' Dr. Hassan dalam ucapannya berkata bahawa beliau yakin, dengan adanya kemudahan UiTM Emergency Mobile Rescue ini, Pusat Kesihatan UiTM akan dapat memperluaskan lagi skop perkhidmatannya bukan sahaja di dalam kampus, tetapi juga dapat memberikan perkhidmatan kesihatan kepada para pesakit atau komuniti di luar kampus UiTM menerusi program-program khidmat masyarakat, bersama para pelajar terutama pelajar-pelajar Fakulti Perubatan, Pergigian dan Sains Kesihatan.



UiTM merupakan universiti awam di Malaysia yang membangunkan jana kuasa elektrik solar photovoltaic (PV) berskala 50MW yang beroperasi secara komersial di Gambang Kuantan, Pahang. Jana kuasa ini dibina dengan keluasan 290.34 ekar tanah dengan menggunakan lebih daripada 180,000 panel foto voltaik yang dikendalikan oleh UiTM Solar Power Sdn Bhd. Jana kuasa ini dijangka akan menjana pendapatan melebihi RM650 juta kepada UiTM dalam tempoh 21 tahun.

Sinonim dengan teras universiti sebagai nilai tambah ia juga akan menempatkan sebuah Pusat Penyelidikan Solar UiTM dan menjadi pusat kecemerlangan untuk inovasi, pembangunan dan pengkomersialan tenaga dan yang terkini mempunyai potensi untuk agro-voltaic. Ia akan menjadikan pusat penyelidikan yang pertama seumpamanya di Asia dan di dunia.

Bagi mendapat gambaran yang jelas, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti dan pengurusan eksekutif telah mengadakan lawatan tapak ke projek solar ini pada 12 Januari 2019. Lawatan ini turut disertai oleh pakar bidang solar, pakar bidang tanah dan para penyelidik.

Secara keseluruhan Lembaga Pengarah Universiti berpuas hati dengan kemajuan projek dan memaklumkan jana kuasa ini mempunyai potensi yang besar serta boleh memberi peluang penyelidik UiTM untuk meneroka bidang pengkomersialan tenaga. UiTM merasa bangga dengan kemajuan projek ini dan kelancaran projek dengan sokongan semua pihak dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

LAWATAN TAPAK KE ELEKTRIK SOLAR

PHOTOVOLTAIC DI GAMBANG KUANTAN



Selari dengan amanat YBhg. Prof Emeritus Dato Dr Hassan Said tahun 2018 yang bertemakan "Inovasi dan Kemampanan Memacu Kecemerlangan Global", satu jawatankuasa kelestarian di peringkat UiTM telah ditubuhkan untuk menjadi tonggak kepada usaha kemampanan universiti. Sebagai usaha awal dalam menggalas tanggungjawab yang amat besar ini, satu bengkel kelestarian telah dilaksanakan bertempat di hotel The Pines, Melaka pada 11 hingga 13 Januari 2019. Seramai 40 orang peserta yang terdiri dari para ahli jawatankuasa induk serta ahli-ahli jawatankuasa kecil telah hadir untuk meneliti secara keseluruhan inisiatif serta aktiviti - aktiviti yang berkaitan dengan agenda kelestarian di seluruh sistem UiTM, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti tahap pencapaian kelestarian semasa yang telah berlangsung di UiTM.

Sebelum bengkel bermula, pengurus jawatankuasa kelestarian UiTM, Prof Dr Zakiah Ahmad bersama Rektor UiTM Melaka, Datuk Prof. Madya Sabariah Binti Hj. Mahat beserta sebahagian rombongan telah berpeluang untuk mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Menteri Melaka untuk bertukar-tukar idea dan melihat peluang untuk menjalinkan kerjasama pintar antara pihak kerajaan negeri Melaka dengan UiTM dalam hal yang berkaitan dengan inisiatif kelestarian.

Bengkel selama 3 hari tersebut telah dimulakan dengan pengenalan kepada UI GreenMetric yang telah disampaikan oleh YBhg Prof Sumaini, pengarah Institute of Ocean and Earth Sciences, Universiti Malaya (UM), beliau mempunyai pengalaman yang luas bukan sahaja berkenaan UI GreenMetric tetapi penglibatan secara mendalam dalam mempromosi dan melaksanakan inisiatif kelestarian di UM sehingga berjaya membawa UM ke ranking 33 dunia pada tahun 2018. Penarafan UI GreenMetric World University ini merupakan satu penarafan yang mengukur secara khusus usaha kelestarian sesebuah institut pengajian tinggi dari seluruh dunia.

Peserta seterusnya berbincang mengikut kluster masing-masing untuk mengenal pasti usaha-usaha yang telah dan sedang

BENGKEL KELESTARIAN UiTM 2019



berjalan di UiTM, kemudiannya peserta memetakan usaha ini terus kepada 17 Goals yang telah digariskan dalam UN Sustainable Development Goals (SDG). Ini merupakan agenda dunia yang perlu ditangani oleh setiap organisasi di peringkat global. Di akhir sesi bengkel, setiap kumpulan telah melaporkan perkara yang telah dibincangkan beserta dengan pelan tindakan untuk perlaksanaan aktiviti serta program kelestarian dengan lebih terancang serta berkesan.

Semoga dengan usaha murni ini akan dapat menggerakkan UiTM dengan lebih dinamik dalam membawa agenda kelestarian untuk terus menjadi perintis kepada kesejahteraan masyarakat bukan sahaja di peringkat universiti atau negara bahkan juga di peringkat dunia.

UiTM dan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) meterai Memorandum Perjanjian



Pada 11 Januari 2019 bertempat di Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Teknologi MARA (UiTM), melalui Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (ICAEN) dan Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) telah menandatangani Memorandum Perjanjian bagi Projek Endowmen Pembangunan Residensi YLTAT-UiTM. Majlis MoU Endowmen ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Hj Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia serta YBhg Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Pengurus Lembaga UiTM yang hadir bagi bersama-sama menyaksikan majlis bersejarah ini.

Projek Endowmen Residensi YLTAT-UiTM merupakan sumbangan endowmen sebanyak RM6 juta yang diberikan daripada YLTAT kepada UiTM bagi pembinaan sebuah motel (Residensi) di UiTM Puncak Alam. Buat masa ini, lokasi yang telah dipersetujui adalah berdekatan dengan tapak Hospital Pengajar UiTM yang sedang dibina di Puncak Alam. Naib Canselor dalam ucapan beliau yakin bahawa projek ini amat bertepatan kerana objektif endowmen ini adalah untuk membina residensi bagi disewakan kepada pelajar, ibu bapa dan orang ramai yang memerlukan penginapan di sekitar UiTM Puncak Alam, Selangor. UiTM turut memberi sumbangan kepada pembangunan residensi ini melalui pembiayaan kos pembinaan lif dan substation bangunan, di mana sebanyak RM2.8 juta akan diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Melalui usaha sama antara industri-alumni dan universiti seumpama ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi kerjasama dan inisiatif strategik antara semua pihak terlibat demi memastikan pembangunan modal insan mahasiswa dan bakal graduan universiti terjamin. Sinergi kerjasama dan perkongsian antara industri, komuniti dan alumni sebenarnya adalah tunggak untuk sebuah negara mencapai kejayaan dalam ekonomi, sosial dan politik.

Sebagai sebuah institusi pendidikan, UiTM sentiasa yakin bahawa melalui kerjasama seperti ini, bukan sahaja dapat memberi impak positif kepada organisasi bahkan berupaya melahirkan graduan profesional yang akhirnya menyumbang bukan hanya untuk kesejahteraan dirinya, malah kepada masyarakat dan negara.



MoU antara UiTM dan MSN



29 Januari 2019 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Majlis Sukan Negara (MSN) bagi meggalakkan lebih ramai atlet dan bekas atlet untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan telah menjadi saksi sesi menandatangani MoU tersebut. UiTM diwakili rektor daripada 13 kampus cawangan sementara MSN diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Shapawi Ismail.

Kerjasama strategik antara MSN dan 13 Cawangan UiTM di seluruh negara dibuat kerana semua kampus UiTM di seluruh negara akan memberi ruang dan peluang kepada atlet untuk melanjutkan pengajian ke menara gading tanpa mengorbankan karier sukan mereka.

MoU antara UiTM dan University of Lisbon





MoU antara UiTM, UM dan UTAR





MoU antara UiTM dan Universiti Widayatama



Azam Baharu UiTM FC



28 Januari 2019, bertempat di Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam, pasukan bola sepak UiTM telah mengadakan majlis memperkenalkan barisan pemain, pegawai dan jersi pasukan bagi saingan Liga Premier Malaysia 2019.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP). Bagi tahun 2019 UiTM FC telah melantik Ismail Zakaria sebagai ketua jurulatih baharu bagi menggantikan Wan Mustafa Wan Ismail. Bagi saingan tahun 2019 ini juga UiTM turut menggunakan tiga pemain import baharu dari Brunei, Senegal dan Uganda.

Pada tahun 2019 UiTM FC telah menerima tajaan daripada rakan rasmi pakaian. Antaranya Active Sports, barangang fisioterapi dari ATF Sport Taiping, rakan rasmi minuman dari H321 dan rakan rasmi insurans dari Gemilang Empire.

UiTM FC merupakan kelab bola sepak bertaraf universiti yang beraksi dalam saingan Liga Perdana Malaysia. Bagi musim 2019 ini dengan semangat dan azam baharu, UiTM FC berhasrat meningkatkan pencapaian yang lebih baik berbanding tahun 2018 bersesuaian dengan konsep melahirkan "The Thingking Footballer" dan "Football with Brain".





2019 MALAYSIA PREMIER LEAGUE SCHEDULE - UiTM FC -



from 1 FEBRUARY 2019 to MAY 2019

FEB 1	PDRM UiTM FC FRIDAY 4.45 PM	MAR 1	TBC	PULAU PINANG UiTM FC FRIDAY TBC	APR 12-14	SABAH UiTM FC FRI-SUN 8.15 PM
STADIUM MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG					STADIUM LIKAS, KOTA KINABALU	
FEB 8	UiTM FC PERLIS FRIDAY 9.00 PM	MAR 8	TBC	UiTM FC KELANTAN FRIDAY 9.00 PM	APR 19-21	UiTM FC SARAWAK FRI-SUN 9.00 PM
STADIUM UiTM SHAH ALAM		STADIUM UiTM SHAH ALAM			STADIUM UiTM SHAH ALAM	
FEB 15	NEGERI SEMBILAN UiTM FC FRIDAY TBC	MAR 29-31	TBC	SELANGOR UNITED UiTM FC FRI-SUN 4.45 PM	APR 26-28	UKM FC UiTM FC FRI-SUN 9.00 PM
STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN, PAROI		STADIUM MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG			STADIUM BOLASEPAK KUALA LUMPUR, CHERAS	
FEB 24	UiTM FC JOHOR DARUL TA'ZIM II SUNDAY 9.00 PM	APR 5-7	TBC	UiTM FC TERENGGANU FC II FRI-SUN 9.00 PM	MAY 2-4	TERENGGANU FC II UiTM FC THU-SAT 9.00 PM
STADIUM UiTM SHAH ALAM		STADIUM UiTM SHAH ALAM			STADIUM SULTAN ISMAILNASIRUDDIN SHAH, K. TERENGGANU	

THE LIONS TROOP

f uitmfc_official

WHEN THE
LIONS ROAR!



2019 MALAYSIA PREMIER LEAGUE SCHEDULE - UiTM FC -



from MAY 2019 to JULY 2019

MAY 12-15	UiTM FC UKM FC SUN-WED 10.00 PM	JUNE 18-19	TBC	UiTM FC PULAU PINANG TUE-WED 9.00 PM	JULY 12-14	PERLIS UiTM FC FRI-SUN TBC
STADIUM UiTM SHAH ALAM		STADIUM UiTM SHAH ALAM			STADIUM TUANKU SYED PUTRA, KANGAR	
MAY 17-18	SARAWAK UiTM FC FRI-SAT 9.15 PM	JUNE 25-26	TBC	JOHOR DARUL TA'ZIM II UiTM FC TUE-WED TBC	JULY 19-21	UiTM FC NEGERI SEMBILAN FRI-SUN 9.00 PM
STADIUM NEGERI, KUCHING		STADIUM MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG			STADIUM UiTM SHAH ALAM	
MAY 24-26	UiTM FC SELANGOR UNITED FRI-SUN 10.00 PM	JULY 5-7	TBC	UiTM FC PDRM FRI-SUN 9.00 PM		
STADIUM UiTM SHAH ALAM		STADIUM UiTM SHAH ALAM				
JUNE 14-16	KELANTAN UiTM FC FRI-SUN TBC	JULY 9-10	TBC	UiTM FC SABAH TUE-WED 9.00 PM		
STADIUM SULTAN MUHAMMAD IV, KOTA BHARU		STADIUM UiTM SHAH ALAM				

THE LIONS TROOP

f uitmfc_official

WHEN THE
LIONS ROAR!

SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipiuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Hanisah Yacob
Umi Kazura Zakaria
Nur Idune Hayana Che Mohd
Nor Azlina Nordin

Jurufoto

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



UiTM *di hatiku*

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM *di hatiku*

YouTube



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat